

JAWATANKUASA KHAS JAMINAN AKSES BEKALAN VAKSIN COVID-19

GARIS PANDUAN PENETAPAN SENARAI BARISAN PETUGAS HADAPAN BAGI PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN

1.0 DEFINISI UMUM

1.1 Anggota yang berisiko tinggi untuk mendapat dan menyebarkan jangkitan COVID-19 iaitu yang terdedah secara langsung kepada individu yang dijangkiti, individu yang berisiko tinggi dijangkiti, sampel pesakit atau persekitaran yang berpotensi untuk menjadi punca jangkitan. Ia terdiri dari dua kategori iaitu:

- (1) **Kategori Satu** - Anggota yang terlibat secara langsung dengan penjagaan rawatan dan kesihatan (meliputi institusi di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia serta Kementerian Pertahanan, Hospital Pembelajaran, Hospital Swasta); dan
- (2) **Kategori Dua** - Anggota yang terlibat dalam sektor kesihatan, agensi pertahanan, anggota keselamatan dan perkhidmatan penting (*essential*).

2.0 PERINCIAN

2.1 Kategori Satu

ia meliputi:

- (1) Anggota teknikal (kumpulan pengurusan dan profesional, paramedik dan auksiliari) yang terlibat dalam penjagaan pesakit di fasiliti kesihatan, pengendalian spesimen pesakit, disinfeksi persekitaran, kawalan kesihatan awam di lapangan, berinteraksi secara langsung dengan orang awam, yang merangkumi:
 - (i) Pegawai lain yang berinteraksi secara langsung dengan orang awam atau mengendalikan spesimen pesakit, sama ada di bidang perubatan atau kesihatan awam yang bertugas di hospital serta klinik awam atau swasta; dan
 - (ii) Anggota di ibu pejabat Jabatan Kesihatan Negeri, Pusat Kesihatan Daerah dan fasiliti kesihatan lain seperti petugas bilik Gerakan (termasuk *Crisis Preparedness & Response Centre*) yang terlibat dalam penyeliaan di lapangan.
- (2) Kumpulan pelaksana di fasiliti kesihatan yang terlibat dalam kawalan pandemik dan berkomunikasi secara langsung dengan orang awam seperti petugas kaunter penyelia dsb.

2.2 Bagi maksud anggota teknikal di perenggan 2.1(1), ia merangkumi:

Pengurusan & Profesional

- Pegawai Perubatan
- Pegawai Pergigian
- Pegawai Farmasi
- Pegawai Sains
- Pegawai Kesihatan Persekitaran dll

Paramedik dan auksiliari

- Jururawat
- Penolong Pegawai Perubatan
- Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran
- Penolong Pegawai Farmasi
- Juru X-Ray
- Juruteknologi Makmal Perubatan
- Pembantu Perawatan Kesihatan
- Pemandu
- Pembantu Kesihatan Awam dll

2.3 Kategori Dua


ia meliputi:

- (1) Sektor kesihatan (seperti: pengamal perubatan am (*General Practitioner*), doktor gigi swasta, pengamal perubatan tradisional dan komplementari, serta makmal swasta yang berdaftar);
- (2) Anggota keselamatan (seperti: Polis Diraja Malaysia, Angkatan Tentera Malaysia, Pasukan Gerak Am, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia, Jabatan Penjara Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia dan Jabatan Sukarelawan Malaysia);
- (3) Perkhidmatan Sosial (seperti: Jabatan Kebajikan Masyarakat);
- (4) Jabatan Kastam Diraja Malaysia;
- (5) Kontraktor Kementerian Kesihatan Malaysia (seperti: perkhidmatan pembersihan dan perkhidmatan kawalan keselamatan);
- (6) Pengendali perkhidmatan hemodialisis;
- (7) Guru-guru sekolah rendah dan menengah yang menghidap lebih daripada satu masalah kesihatan kronik, atau pelbagai morbiditi;
- (8) Ahli Jemaah Menteri;
- (9) Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri;
- (10) Ahli Dewan Rakyat;
- (11) Ahli Dewan Undangan Negeri; dan
- (12) Pegawai-pegawai Kerajaan yang terlibat di dalam lawatan rasmi Ahli Jemaah Menteri ke luar negeri.


3.0 **PINDAAN**

- 3.1 Sebarang pindaan kepada garis panduan ini adalah tertakluk kepada keputusan dan ketetapan Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19.

PENGERUSI BERSAMA



YB DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
Menteri Kesihatan



YB KHAIRY JAMALUDDIN
Menteri Sains, Teknologi Dan Inovasi & Menteri
Penyelaras Program Imunisasi Covid-19
Kebangsaan

TARIKH: 1 MAC 2021